



PENGLIBATAN SUKAN : KEJOHANAN TEN PIN BOLING 3 PENJURU

Maisurah Shamsuddin

Pada 11 Jun 2022, Kejohanan Tenpin Bowling 3 penjuru yang di anjurkan oleh ahli kelab bowling staf UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diadakan bertempat di Megamall Bowling Centre. Kejohanan ini melibatkan staf daripada UiTM Shah Alam dan UCS, Penang dan Perlis. Seramai 9 pasukan lelaki dan 7 pasukan wanita telah berentap. UiTMPP telah menghantar 2 pasukan lelaki dan 2 pasukan perempuan untuk kejohanan ini. Setiap pasukan terdiri daripada 4 orang. Dua orang staf daripada JSKM telah dipilih untuk menyertai kejohanan ini iaitu Pn Maisurah dan Pn Siti Mariam. Latihan pengukuhan juga telah di adakan beberapa kali sebelum kejohanan bermula bagi membuat persediaan bersaing dengan pasukan-pasukan yang hebat.



Kejohanan yang berlangsung selama 3 jam ini memperlihatkan pasukan masing-masing berusaha mendapatkan skor yang tinggi. Walaupun berlawan di tempat sendiri, banyak cabaran yang dihadapi. Pemain perlu pandai mengawal emosi dan juga mengawal balingan. Alhamdulillah, dengan kerjasama setiap ahli pasukan, kumpulan lelaki A UiTMPP telah menjuarai kejohanan ini dan kumpulan wanita A telah mendapat tempat ke 2. Kumpulan wanita UiTM Shah Alam/UCS telah menjuarai pertandingan ini. Hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Rektor PJIM&A Prof Madya Ts Dr Kay Dora Abd Ghani.

Pengalaman bermain di tempat sendiri dan bersaing dengan lawan yang hebat telah memberi lebih banyak pengalaman dan peluang kepada staf JSKM dalam sukan bowling ini. Pengalaman ini juga memberi sedikit sebanyak keyakinan untuk terus bergiat aktif dalam sukan bowling dan seterusnya boleh mewakili UiTMPP dalam sukan KARISTA.



Sesi Latihan



Pasukan Lelaki A UiTMPP (Juara)



Pasukan Wanita A UiTMPP (Naib Juara)

